

Penguatkuasaan Jabatan Pembangunan Islam Terhadap Kesalahan Mendedahkan Aurat Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandar Raya Islam

Oleh: Mohd Azhar bin Abdullah*

ABSTRAK

Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB-BRI) merupakan Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama di Malaysia yang menguatkuasakan peraturan menutup ke atas pemegang lesen perniagaan supaya perkerja wanita Islam menutup aurat dan perkerja wanita bukan Islam berpakaian sopan. Bagi memantapkan pelaksanaan ini MPKB-BRI menurunkan kuasanya kepada empat jabatan, termasuk kepada Jabatan Pembangunan Islam (JPI). Dalam memikul tanggung jawab ini, JPI telah memainkan peranan penting semenjak tahun 1991 bermula dari program dakwah kesedaran hingga kepada penguatkuasaan undang-undang ke atas peniaga-peniaga di sekitar Kota Bharu. Justeru itu, kajian ini berusaha meninjau sejauh mana tahap penguatkuasaan yang telah diambil oleh JPI terhadap kesalahan ini sekaligus menggambarkan kesungguhan MPKB memelihara imej Kota Bharu Bandar Raya Islam dan tahap kesedaran beragama di kalangan peniaga-peniaga wanita Islam yang terkenal dengan gelaran Serambi Mekah.

1. Pendahuluan

Menutup aurat¹ terutama ketika keluar rumah adalah suatu kewajiban yang tertakluk dibawah hak-hak awam yang wajib ditangani oleh pihak berkuasa.² Walau bagaimanapun

* Mohd Azhar bin Abdullah, MA, pensyarah di Jabatan Al-Dakwah Wal Qiadah, KIAS, Nilam Puri, Kelantan.

¹ Aurat dari sudut bahasa ialah keji, aib dan memalukan apabila dilihat sama ada manusia, jin dan malaikat. Manakala

pelaksanaan tuntutan aurat ini secara menyeluruh bukanlah suatu perkara mudah. Umumnya, di peringkat kerajaan Malaysia,³ penguatkuasaan terhadap kesalahan aurat atau berpakaian tidak sopan tidaklah menjadi suatu agenda yang diutamakan. Ada kemungkinan disebabkan kesalahan ini dianggap sebagai keperluan adat dan berkait rapat dengan hak individu yang sensitif yang memadai ditangani dengan nasihat dan bergantung kepada kefahaman individu itu sendiri. Kesan daripada sikap ini menyaksikan kebanyakan peraturan pakaian yang dilaksanakan di negara ini sama ada di pejabat, sekolah, pusat pengajian tinggi dan sebagainya lebih bersifat kepada keperluan menjaga kesopanan adat bukan berlandaskan tuntutan keagamaan.⁴ Kerana itu didapati secara zahir pendedahan aurat dan pakaian menjolok mata berleluasa di mana-mana.

Tetapi di Negeri Kelantan penguatkuasaan terhadap kesalahan aurat dan berpakaian tidak sopan (selepas ini disebut kesalahan aurat sahaja) dipergiatkan semenjak tahun 1993 melalui dasar Kerajaan Negeri Kelantan yang mewajibkan pakaian menutup aurat bagi yang beragama Islam dan berpakaian sopan ke atas bukan Islam.⁵ Oleh kerana ia telah menjadi dasar kerajaan negeri Kelantan maka peraturan

... Aurat dari sudut bahasa ialah keji, aib dan memalukan apabila dilihat sama ada manusia, jin dan malaikat. Manakala definisinya ialah bahagian badan yang wajib ditutup dan haram melihatnya. Ibn Manzur (1990), *Lisan al-'Arab*, jld. 4, h. 617, Dar al-Fikr, Beirut. Dr. Ibrahim Anis (t.t), *al-Mu'jam al-Wasit*, jld. 2, h. 636. Qalyubi dan 'Umayrah (t.t), *Qalyubi wa 'Umayrah 'ala Sharh al-Mahalli*, jld. 1, h. 176, Dar Ahya' al-Kutub al-Arabiah, Kaherah. Al-Khatib Al-Sharbini (1994), *Mughni al-Muhtaj*, jld. 1, h. 395, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut. Lihat, Dr. Abd al- Fattah Mahmud Idris (1993), *Ahkam al-'Awrat fi al-Fiqh al-Islamiy*, jld. 1, h. 8, Kaherah. Lihat; Zakaria al-Ansariy (t.t), *Hashiyah al-Shargawi*, jld. 1, h. 172.

² Lihat, Ibn Kathir (1995), *al-Jami' al-Qur'an al-'Azim*, jld. 3, h. 378 & 379, Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut. 'Atiyyah Saqar (t.t), *Ihsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*, jld. 1, h. 689, Dar al-Ghad al-'Arabi, Kaherah. Al-Sha'ravi (t.t), *al-Mar'ah wa al-Rijal wa Khusum al-Islam*, h. 91, 92, Dar al-Nadwah, Iskandariah.

³ Menurut Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etiket Pakajan, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang dikuatkuasakan pada 15hb. Disember 1993 memperuntukkan; *6 (1) Seseorang pegawai semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Kerajaan melalui arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau oleh pihak-pihak berkuasa lain*". Berdasarkan peraturan am ini penekanan hanya diberikan kepada pakaian yang bersesuaian secara umum tanpa mengaitkan dengan apa-apa asas kecuali ditentukan oleh kehendak sesebuah kerajaan.

⁴ Sebagai contoh kepada pengaruh adat dalam isu penutupan aurat ialah pada bulan Mac 2006 pihak Polis telah memberikan kelonggaran kepada polis wanita beragama Islam untuk bertudung ketika bertugas. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Malaysia waktu itu memberikan komentar; "Ini peraturan yang dibuat oleh polis untuk pakaian hari-hari. Pemakaian tudung hanya pilihan bukan wajib kecuali untuk pembarisan rasmi, kena ikut peraturan". *Mingguan Malaysia*, h. 2, Ahad, 26 Mac 2006.

⁵ Lihat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993, Peraturan Berpakaian Masa Bertugas Bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

ini dilaksanakan dengan lebih serius dan menyeluruh. Penguatkuasaan selama hampir dua puluh tahun ini menyediakan banyak maklumat untuk dikaji bagi meninjau sejauh mana kepentingan undang-undang aurat dan permasalahan serta cabarannya.

Salah satu jabatan yang penting dalam pelaksanaan undang-undang aurat di negeri Kelantan ialah Jabatan Pembangunan Islam Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (selepas ini disebut JPI).⁶ JPI ditubuhkan khusus bagi memperkasakan pelaksanaan dasar-dasar Islam dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (selepas ini disebut MPKB-BRI).⁷

1.1 Latar Belakang Penubuhan JPI⁸

Inspirasi penubuhan Jabatan Pembangunan Islam dikatakan bertolak daripada dasar Membangun Bersama Islam⁹ yang diperkenalkan oleh APU¹⁰ apabila mengambil alih tampuk pemerintahan negeri Kelantan daripada UMNO pada tahun 1990. Dasar pentadbiran secara Islamik ini dipertanggungjawabkan ke atas seluruh pentadbiran di bawah kuasa kerajaan negeri Kelantan, termasuk MPKB-BRI sebagai badan berkanun penting dalam pembangunan bandar Kota Bharu khususnya.

⁶ MKB-BRI mempunyai lebih kurang 12 jabatan. Daripada 12 jabatan tersebut, 4 jabatan terlibat langsung dalam penguatkuasaan kesalahan aurat iaitu Jabatan Undang-Undang & Pendakwaan, Jabatan Pelesenan, Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Pembangunan Islam. Namun, dalam kajian ini penulis hanya memfokuskan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Islam sahaja.

⁷ Temuramah, Ustaz Ropien Hasan, Pengarah Jabatan Pembangunan Islam, 9 hb. Februari 2009.

⁸ Lihat, *Sketsa Jabatan Pembangunan Islam, Belia dan Kebajikan*, h. 2, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, 13 hb. Julai 2005.

⁹ Dasar Membangun Bersama Islam ini adalah satu pakej yang ditawarkan kepada rakyat melalui manifesto pilihanraya kesembilan. Slogan ini disifatkan sebagai pendekatan siasah *syari'iyyah* ke arah merealisasikan hasrat pelaksanaan Islam secara komperihensif, khususnya dalam pentadbiran. Dengan haraian yang lain, maju ke hadapan dengan cara yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. “*Konsep Membangun Bersama Islam Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri*”, Kertas Kerja, Unit Perancangan Ekonomi Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, 24 April 1996, h. 2.

¹⁰ APU adalah ringkasan kepada Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah yang merupakan gabungan di antara parti-parti politik di Kelantan iaitu PAS, Parti Melayu Semangat 46, BERJASA dan HAMIM. Hasil pilihanraya ini telah mendapat kemenangan besar Dewan Undangan Negeri 39-0 pada pilihanraya 21 Oktober 1990. Mohd Sayuti Omar (1991), *Kelantan Selepas Pantang*. h. V, Tinta Merah, Kuala Lumpur.

Ekoran itu, penyusunan semula pentadbiran MPKB-BRI dibuat pada 17 November 1990 dengan pelantikan baru Yang DiPertua Majlis dan Ahli-Ahli Majlis.¹¹ Kemudian, pada awal tahun 1991 satu mesyuarat Majlis yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Halim bin Mohamad, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan telah menyusun dan mengemaskini 15 jawatankuasa¹² dan buat pertama kalinya dalam sejarah Majlis Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Masyarakat dibentuk.¹³

Pada peringkat ini Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Masyarakat ini berperanan dalam hal ehwal menimbang dan meluluskan cadangan-cadangan dan program-program berkaitan Islam dan kemasyarakatan. Semua urusan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam akan dibincang, dipertimbang dan diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa ini. Selama 2 tahun hal ehwal Islam dalam pentadbiran Majlis beroperasi melalui Jawatankuasa tersebut tanpa ditubuhkan satu unit khas. Peranan utama jawatankuasa kecil ini adalah membuat perancangan dan pemantauan hal ehwal Islam bukan bertindak sebagai unit yang beroperasi sendiri.

Komitmen Kerajaan Negeri Kelantan merealisasikan dasar Islam ini diperkuuhkan melalui gesaan serius Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan kepada Ahli-Ahli Majlis Daerah dan Pihak Penguasa Kerajaan

¹¹ Nama-Nama lengkap 26 Ahli Majlis 1990 / 1991 yang pertama Majlis selepas PAS memerintah ialah YB Dato' Hj. Halim bin Mohamad (Yang Dipertua), YABrs. Tuan Hj. Ismail bin Hassan (Tim. Yang Dipertua) Ybrs. Tuan Hj. Ariff bin Othman (Setiausaha) En. Mazlan bin Ibrahim, En. Hassan bin Mamat, Tuan Hj. Boniyamin bin Yusof, En. Wan Mohd Nazi bin Wan Hamat, Ustaz Wan Mustapha Rusydi bin Abdul Ghani, En. Hashim bin Mohamad, En. Che Mohd Norodi bin Che Ali, Ustaz Wan Hassan bin Wan Othman, Tuan Hj. Wan Ibrahim bin Wan Ahmad, Puan Hjh. Fatimah bt Hassan, Puan Aminah bt Menon, En. Zainuddin bin Abdullah, YM Tg Abd Kadir bin Tg Chik, Tuan Hj Yaacob bin Awang, Tuan Hj. Abdullah Agus, En. Foo Chee Tow, En. Mansor Majdi bin Hj. Husain Rahimi, Tuan Hj. Umar bin Hj. Ibrahim, En. Abdullah bin Ahmad, En. Abdullah bin Mansor, En. Ab. Mutalib bin Husain, YM Tg Zainab @ Tg Anisah bt Mohamed dan Puan Habibah bt Ibrahim.

¹² Senarai lengkap 15 Jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Kewangan dan Projek Khas, Jawatankuasa Pembangunan dan Perlaksanaan, Jawatankuasa Kebersihan dan Keindahan Bandar, Jawatankuasa Bangunan dan Perancangan Bandar, Jawatankuasa Lalulintas, Jawatankuasa Perundangan dan Penguatkuasaan, Jawatankuasa Penerangan dan Perpaduan, Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Masyarakat, Jawatankuasa Perkhidmatan dan Pengambilan Pekerja, Jawatankuasa Kenaikan Pangkat dan Tatatertib, Jawatankuasa Rayuan (kenaikan Pangkat dan Tatatertib), Jawatankuasa Tender dan Sebut Harga dan Jawatankuasa Rayuan dan Taksiran. Lihat, MPKB Laporan Tahunan 1991, h. 4-15.

¹³ *Ibid.* (MPKB Laporan Tahunan 1991, h. 4-15.)

Tempatan ketika majlis perasmian “Fahami Dasar Kerajaan Negeri” di Kota Darul Naim pada 21 Februari 1993. Gesaan Menteri Besar Kelantan tersebut telah memperkasa semangat MPKB-BRI mengambil langkah-langkah proaktif menjayakan dasar tersebut dengan menyusun dan mengemaskinikan pentadbiran dan jabatan-jabatan yang sedia ada.¹⁴

Oleh kerana tuntutan-tuntutan pelaksanaan dasar Membangun Bersama Islam amat besar, maka pada 1 September 1993 Unit Pembangunan Islam ditubuhkan hasil daripada keperluan Jawatankuasa Kecil Pembangunan Islam. Pada peringkat permulaannya, Unit Pembangunan Islam diberikan bidang kuasa yang terhad kerana unit ini bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Kecil Pembangunan Islam.

Pada 1 Febuari 1998 Unit pembangunan Islam disusun lagi dan dinaik taraf sebagai sebuah Bahagian Pembangunan Islam dan Kebajikan. Mengiringi perkembangan tersebut adalah penjenamaan semula Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Masyarakat yang ditukar kepada Jawatankuasa Pembangunan Islam dan Kebajikan pada tahun 1999.

Setelah lima tahun Bahagian Pembangunan Islam beroperasi, bahagian ini dinaikkan taraf sebagai Jabatan Pembangunan Islam pada 2003.

1.2 Tahap Perkembangan Jabatan Pembangunan Islam (JPI)

Umumnya pembangunan JPI mengalami tiga tahap di bawah.

i. Tahap Pembentukan (1993 – 1998)

Seperti yang dijelaskan bahawa dasar pentadbiran secara Islamik di Kelantan bermula pada tahun 1990. Lanjutan daripada dasar tersebut, selepas tiga tahun MPKB-BRI menubuhkan satu unit khusus dalam hal ehwal pentadbiran Islam yang dikenali sebagai Unit Pembangunan Islam pada 1 September 1993.

¹⁴ Iaitu 9 jabatan; Jabatan Pentadbiran dan Pengurusan, Jabatan Kewangan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Perhubungan Awam. *Op. Cit.*, Kota Bharu Bandar Raya Islam, h. 75 – 77.

ii. Tahap Kedua (1998 – 2003)

Selepas lima tahun Unit pembangunan Islam berperanan, pihak MPKB-BRI menyusun semula unit ini kepada Bahagian Pembangunan Islam & Kebajikan pada 1 Febuari 1998.

Pada peringkat pentadbiran Majlis, Bahagian Pembangunan Islam diletakkan di bawah pentadbiran Setiausaha Majlis. Manakala di peringkat pentadbiran bahagian ini melibatkan seramai 14 kakitangan secara keseluruhannya yang diketuai oleh seorang Pegawai Hal Ehwal Islam, 6 Pembantu Tadbir, seorang Pembantu Tadbir Rendah, 3 Attenden Letak Kereta, 2 Pekerja Am Rendah Awam dan seorang Pemandu. Untuk memperkemaskan pentadbiran di peringkat bahagian operasinya dipecahkan kepada tiga unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Latihan dan Unit Hisbah.

iii. Tahap Ketiga (2003 hingga kini)

Pada tahun 2003 Bahagian Pembangunan Islam diperkemaskan lagi kepada Jabatan Pembangunan Islam. Penaikan taraf daripada status bahagian kepada status jabatan ini berkait rapat implimentasi pelan strategik rasmi pembangunan Kota Bharu Bandar Raya Islam yang bermula pada tahun 2003 hingga 2006.¹⁵

Dalam fasa pertama ini fokus gerak kerja digembeling kepada pembangunan modal insan secara menyeluruh melibatkan warga Majlis dan warga Kota Bharu berteraskan 5P. Kejayaan pada fasa ini banyak bergantung kepada sejauh mana pemahaman, kesedaran dan penghayatan masyarakat terhadap konseptual 5P secara komprehensif, sekaligus melahirkan kecederungan yang tinggi menyayangi dan mencintai bandar raya Islam.¹⁶ Justeru itu, antara langkah praktikal yang perlu Majlis bertindak adalah memperkasa peranan, memperluas skop tugas dan bidang kuasa hal ehwal pentadbiran Islam supaya dapat berperanan dengan lebih efektif. Dengan itu, penaikan

¹⁵ *Op. Cit.*, Kota Bharu Bandar Raya Islam, h. 36.

¹⁶ Hal ini selaras dengan objektif pertama JPI ialah melaksanakan sistem pentadbiran Islam dalam pentadbiran dan pembangunan Majlis bagi melahirkan masyarakat cintakan Islam selaras dasar Membangun Bersama Islam.

taraf kepada Jabatan Pembangunan Islam adalah manifestasi komitmen yang tidak berbelah bagi dan pentadbiran yang konsisten pihak Majlis mencapai misi bandar raya Islam 2015 nanti.

1.3 Pentadbiran JPI

Pada peringkat pentadbiran MPKB-BRI, Jabatan Pembangunan Islam diletakkan di bawah pentadbiran Setiausaha MPKB-BRI. Manakala pada peringkat jabatan, JPI diketuai oleh Pengarah. Berikut adalah senarai kepimpinan JPI semenjak tahun 1993:

Nama	Nama Jawatan	Tahun
Ustaz Wan Hassan bin Wan Othman	Ketua Unit Pembangunan Islam	1993 - 1996
Ustaz Azhar bin Abdul Satar	Ketua Bahagian Pembangunan Islam & Kebajikan	1996 - 2002
Ustaz Ropein bin Hasan	Pengarah Jabatan Pembangunan Islam	2005 - Kini

Keistimewaan semenjak bahagian pembangunan Islam ditubuhkan bermula 1993 hingga kini menyaksikan ketiga-tiga ketua bahagian dilantik daripada pegawai yang mempunyai kelulusan agama.¹⁷ Ternyata pemilihan ketua jabatan ini berdasarkan latar belakang pendidikan agama ini bertujuan melicinkan usaha-usaha pelaksanaan dasar-dasar, pendekatan-pendekatan dan program-program yang bersifat Islam dalam pentadbiran Majlis khasnya dan warga Kota Bharu amnya.

1.3.1 Organisasi

Pada tahun 1999 jabatan ini dipecahkan kepada tiga unit iaitu Unit Pentadbiran, Unit Latihan dan Unit Hisbah¹⁸ Pada tahun 2005 Unit Latihan dan Hisbah diperkasa

¹⁷ Ketiga-tiga pengarah JPI ini adalah lulusan sarjana muda Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir, fakulti usuluddin.

¹⁸ Temuramah Ustaz Haji Azhar bin Abdul Sattar, Ketua Jabatan Pelesenan MPKB-BRI, 9 hb. Mac 2004 dan 29 hb. Julai 2009.

kepada Bahagian Operasi¹⁹ dan Bahagian Dakwah, Belia dan Kebajikan.²⁰ Manakala pada tahun 2007 organisasi JPI diubahsuai lagi kepada 3 bahagian iaitu Bahagian Pembangunan Insan,²¹ Bahagian Kebajikan²² dan Bahagian Sekreteriat Bandar Raya Islam.²³ Pada tahun 2009 sedikit lagi rombakan unit dilakukan iaitu 2 bahagian diubah kepada Bahagian Pembangunan Masyarakat²⁴ dan Bahagian Pembangunan Insan.²⁵

1.3.2 Visi dan Misi

Visi yang diamanahkan kepada JPI ialah merealisasikan falsafah pentadbiran Islam dalam MPKB-BRI sesuai dengan dasar Kerajaan Negeri Kelantan Membangun Bersama Islam.²⁶ Visi ini dilengkappkan melalui misi JPI memastikan nilai-nilai Islam dihayati di dalam pentadbiran MPKB-BRI melalui orientasi pembinaan kesedaran dan kefahaman Islam, memastikan setiap premis perniagaan atau mana-mana pihak yang berurus dengan MPKB-BRI dapat mematuhi peraturan-peraturan yang menepati kehendak syariat Islam sebagaimana digariskan, meninggikan imej korporat MPKB-BRI yang Islamik, dinamik dan kompetitif dan menjadikan JPI sebagai saluran khidmat MPKB-BRI kepada warga Kota Bharu dalam aspek kebajikan dan sosial.²⁷

1.3.4 Objektif JPI

Di samping mendokong objektif MPKB-BRI secara dasar, JPI menetapkan objektifnya tersendiri sebagai satu jabatan yang diamanahkan tugas hal ehwal pentadbiran Islam. JPI menetapkan dua objektif utama iaitu melaksanakan sistem pentadbiran Islam dalam

¹⁹ Bahagian ini diketuai En. Aisam bin Rippin dan dianggotai oleh lima orang kakitangan. Bahagian ini dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Penguatkuasaan (masih kosong) dan Unit Oprese & Skuad Hisbah yang dipangku oleh Wan Mohd Shaffii bin Wan Musa.

²⁰ Bahagian ini dipimpin oleh Ustaz Ilias bin Ahmad. Bahagian ini dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian Dakwah, Bahagian Belia dan Bahagian Kebajikan.

²¹ Dikendalikan oleh Ustaz Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustafa dan dibahagikan kepada dua unit iaitu Unit Dakwah dan Unit Belia.

²² Diketuai oleh Pn. Zaimah bt. Muhammad yang dipecahkan kepada dua unit iaitu Unit Kebajikan dan Unit Operasi.

²³ Unit ini dipecahkan kepada 2 bahagian pula iaitu Unit Pentadbiran dan Unit Maklumat.

²⁴ Diketuai oleh Pn. Zaimah bt. Muhammad.

²⁵ Yang diterajui oleh En. Izuddin bin Ab. Rashid.

²⁶ Jabatan Pembangunan Islam: Peranan dan Aktiviti Bahagian (2007), h. 2, Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI.

²⁷ *Ibid.*

pentadbiran dan pembangunan MPKB-BRI bagi melahirkan masyarakat yang cintakan Islam selaras dengan dasar Membangun Bersama Islam dan keduanya meninggikan imej korporat Majlis yang Islamik dan dinamik sebagai satu jabatan yang memahami serta menghayati Islam.²⁸

1.3.4 Bidang Tugas Dan Strategi JPI

Semenjak diasaskan Jawatankuasa Pembangunan Islam pada tahun 1991 hingga kini 8 bidang tugasnya asasnya tidak berubah, iaitu menghayati nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran MPKB-BRI, memastikan semua program dan pelaksanaan pembangunan MPKB-BRI berlandaskan kehendak Islam, memupuk dan mempertingkatkan kerjasama di antara MPKB-BRI dengan masyarakat dalam kawasan MPKB-BRI, memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang keunggulan dan kewibawaan sistem pentadbiran Islam, meningkatkan pembangunan rohani dan jasmani secara Islam, membina sebuah masyarakat penyayang dan cintakan Islam dan hal-hal lain berkaitan dengan dasar pembangunan Islam.²⁹

Bidang tugas tersebut dijayakan berdasarkan 7 strategi iaitu memastikan nilai-nilai Islam dihayati dalam pentadbiran MPKB-BRI, mengendalikan program-program kefahaman Islam di MPKB-BRI, melaksanakan pembangunan MPKB-BRI menurut kehendak Islam, bertanggungjawab menyemai prinsip kefahaman Islam di kalangan anggota perkhidmatan MPKB-BRI, bertanggungjawab memupuk dan mempertingkatkan kerjasama antara MPKB-BRI dengan masyarakat dalam kawasan MPKB-BRI, melaksanakan Amr Makruf Nahi Mungkar dan membina sebuah masyarakat yang penyayang dan cintakan Islam.³⁰

1.4 Undang-Undang Kecil Bagi Kesalahan Aurat Dan Berpakaian Tidak Sopan

Secara jelas bahawa mendedahkan aurat bagi wanita Islam dan berpakaian tidak sopan bagi wanita bukan Islam adalah suatu kesalahan di lapan undang-undang kecil MPKB-BRI seperti di bawah:

²⁸ *Op. Cit.*, Sketsa Jabatan Pembangunan Islam, Belia dan Kebajikan (2005), h. 2.

²⁹ *Op. Cit.*, Sketsa Jabatan Pembangunan Islam, Belia dan Kebajikan, h. 2, 2005, Laporan Tahunan 1991, Majlis Perbandaran Kota Bharu, h. 16.

³⁰ *Op. Cit.*, Sketsa Jabatan Pembangunan Islam, Belia dan Kebajikan (2005), h. 3.

- Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002 di bawah seksyen 27A yang berkuatkuasa pada 3hb. Januari 2002.
- Undang-Undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establisymen Makanan MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 4A yang berkuatkuasa pada 25hb September 2003.
- Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 13A yang berkuatkuasa pada 25hb Spetember 2003.
- Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut Dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 3B yang berkuatkuasa pada 25hb Spetember 2003.
- Undang-Undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003 di bawah seksyen 24A yang berkuatkuasa pada 25hb Spetember 2003.
- Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kereta Pensendirian 1987 (Pindaan) 2004 MPKB di bawah seksyen 9A yang berkuatkuasa pada 20hb Mei 2004
- Undang-Undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11A yang berkuatkuasa pada 20hb Mei 2004
- Undang-Undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11A yang berkuatkuasa pada 20hb Mei 2004

Kesemua lapan undang-undang kecil di atas menstandardkan peruntukan aurat iaitu;

“Pemegang lesen semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya jika ia wanita Islam memastikan dirinya dan semua pekerja wanitanya yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen dan pekerja wanitanya bukan beragama Islam, hendaklah memakai pakaian sopan”³¹

³¹ Penulis mengambil satu contoh peruntukan aurat daripada Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002 di bawah seksyen 27A mewakili peruntukan aurat dalam tujuh undang-

2 (a) “aurat ertinya seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tangan”

“pakaian menutup aurat ertinya pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan”

Tafsiran aurat di atas diterima pakai dengan merujuk kepada pandangan Jabatan Mufti Negeri Kelantan tentang maksud aurat dan syarat menutup aurat.³² Berdasarkan peruntukan tafsiran aurat di atas, syarat aurat³³ hendaklah memenuhi dua unsur iaitu bahagian aurat dan cara menutup aurat. Elemen pertama merujuk kepada aurat itu sendiri, iaitu anggota-anggota badan yang disifatkan aurat. Elemen kedua merujuk kepada aspek teknikal iaitu kaedah menutup bahagian-bahagian yang dianggap aurat atau disebut juga sebagai syarat-syarat menutup aurat. Kedua-dua elemen hendaklah dipenuhi secara bersepada. Dengan maksud lain, seseorang wanita dianggap bersalah jika melanggar salah satu daripada etika aurat yang telah ditetapkan seperti tidak bertudung, atau berpakaian ketat atau berpakaian nipis sehingga memperlihatkan bentuk fizikal badan.

... undang kecil aurat lagi. Penulis juga menambah garisan di bawah ayat *tered, perniagaan atau perindustriannya* untuk menandakan perubahan ayat hanya dibuat pada ayat yang digariskan di bawahnya menurut bidang kuasa undang-undang kecil masing-masing. Manakala ayat-ayat yang lain dandardkan untuk semua lapan undang-undang kecil aurat.

³² *Op. Cit.*, En. Afandi bin Hamzah, Puan Khairiah binti Mohamed, Ketua Bahagian Undang-Undang dan Pendakwaan MPKB-BRI sekarang pada 29 hb. Julai 2009.

³³ Menurut A. Stroll dan R. H. Popkin etika memiliki multi pengertian menurut tabiat tertentu seperti etika perubatan, etika peguam dan sebagainya. Maka dalam konteks ini dimaksudkan dengan etika pakaian ialah suatu kod pakaian yang dapat mengatur tingkah laku berpakaian atau sebagai garis panduan untuk mengukur cara berpakaian selaras dengan prinsip-prinsip akhlak dan moral. Penulis akan memakai istilah etika ini secara umum sama ada merujuk kepada syarat-syarat aurat Islam atau garis panduan berpakaian bukan Islam. Lihat, Avrum Stroll (1979), *Introduction to Philosophy*, h. 259 – 261, 3th edition, New York: Holt, Rinehart and Winston, h. 259-261. Lihat juga A. I. Melden (1967), *Ethical Theories A Book of Readings*, h. 1 - 5, second edition, New Jersey: Prentice-Hall Inc.

1.5 Prosedur Penguatkuasaan Kesalahan Aurat oleh JPI

Kesalahan aurat kebanyakannya didapati melalui hasil pemantauan dan oporesi aurat yang dijalankan oleh kakitangan MPKB-BRI. Menurut maklumat Ustaz Ropein bin Hasan³⁴ bahawa masih sedikit pihak JPI mendapat maklumat kesalahan aurat melalui aduan orang ramai. Ini menginterpretasikan tahap kesedaran menyeru perkara kebaikan dan menegah kemungkaran (*amr ma'ruf nahi mungkar*) di kalangan warga Kota Bharu terhadap maksiat pendedahan aurat tidak memberangsangkan.

Kerja-kerja pemantauan premis-premis perniagaan untuk kawalan aurat ini tidaklah begitu sukar kerana kebanyakan perkerja wanita Islam menutup aurat. Pemantauan atau rondaan ini bukan terhad pada waktu pejabat sahaja tetapi dipergiatkan dari masa ke semasa pada waktu luar pejabat terutama di pasar-pasar malam yang menjadi tumpuan orang ramai.³⁵

Selaras dengan dasar MPKB-BRI untuk membudayakan warga Kota Bharu dengan nilai-nilai perbandaran Islam, maka pendekatan pendidikan dakwah diutamakan dalam usaha merealisasikan matlamat tersebut. Sehubungan itu, penguat kuasa MPKB-BRI akan terlebih dahulu memberikan nasihat dan amaran sama ada secara lisan atau bertulis kepada peniaga wanita yang didapati tidak menutup aurat. Setelah nasihat diberikan namun didapati ia masih lagi mendedahkan aurat, maka notis kompaun akan dikeluarkan oleh penguat kuasa MPKB terbabit yang dicatatkan butiran tertuduh seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, lokasi, masa dan jenis kesalahan yang kemudiannya ditandatangani oleh tertuduh.

Tertuduh dikehendaki membayar kompaun tidak melebihi RM500.00 (lima ratus ringgit sahaja)³⁶ dalam masa seminggu dan tertuduh diberi hak untuk membuat rayuan meringankan kompaun atau mempertikaikan tuduhan terhadapnya di mahkamah. Pengarah setiap jabatan yang diberikan kuasa penguatkuasaan aurat³⁷ diberikan kuasa

³⁴ *Op. Cit.* Ustaz Ropein bin Hasan.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Lihat, Undang-Undang Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002, Seksyen 31.

³⁷ MPKB-BRI memberikan kuasa penguatkuasaan undang-undang aurat kepada tiga jabatan iaitu, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pembangunan Islam. Menurut kelaziman amalan pentadbiran MPKB-BRI, setiap jabatan tersebut bertanggungjawab ke atas setiap notis kompaun yang dikeluarkan oleh pegawai penguatkuasa jabatan masing-masing. Sebab itu hanya kuasa pengarah jabatan tersebut sahaja yang berhak mempertimbangkan rayuan kompaun

meringankan jumlah kompaun sehingga 50% daripada jumlah maksimum kompaun. Manakala Yang Dipertua MPKB-BRI diberikan budi bicara penuh memutuskan rayuan tertuduh.

Menurut maklumat JPI kesemua tertuduh atas kesalahan aurat ini yang dikenakan kompaun membayar kompaun dalam masa seminggu dan kemudian membuat rayuan meringankan harga kompaun.³⁸ Dengan maksud yang lain, mereka mengaku bersalah dan membayar kompaun.

Namun jika terdapat tertuduh enggan membayar kompaun atau tidak membayar kompaun dalam tempoh seminggu, pihak JPI akan mengeluarkan sekali lagi Notis Peringatan dan pihak JPI biasanya menunggu apa-apa jawapan daripada tertuduh selama sebulan. Seandainya tiada apa-apa tindakan dibuat oleh tertuduh, maka pihak JPI akan memanjangkan kes tersebut kepada Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan bagi memulakan proses undang-undang yang lebih tinggi.

Tindakan lanjutan yang perlu dilakukan oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan ialah mengeluarkan Notis Tindakan Mahkamah yang diberikan masa 14 hari kepada tertuduh. Jika dalam masa 14 hari tersebut tertuduh datang berunding dengan pihak MPKB-BRI, maka biasanya pihak MPKB-BRI akan menasihati tertuduh membayar kompaun untuk menutup kes tersebut.³⁹ Surat fail saman di mahkamah akan dikemukakan oleh Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan jika dalam tempoh tersebut tertuduh gagal membayar kompaun dan mahkamah akan mengeluarkan surat saman untuk pembicaraan.

Bagi sesiapa disabitkan bersalah oleh mahkamah melanggar undang-undang kecil MPKB-BRI, termasuk kesalahan aurat bagi wanita Islam dan berpakaian tidak sopan bagi wanita bukan Islam boleh dihukum denda sebanyak tidak melebih RM2000, atau penjara atau kedua-duanya sekali.⁴⁰

...bagi jabatannya. Ertinya, setiap jabatan tidak berbidang kuasa mencampuri pentadbiran jabatan lain. Tetapi berbeza dengan bidang kuasa Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan, Setiausaha dan Yang Dipertua yang berbidang kuasa penuh kepada seluruh pentadbiran hal ehwal perundangan MPKB-BRI. Ketiga-tiga jabatan ini berkuasa untuk mempertimbangkan kompaun yang daripada Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pembangunan Islam.

³⁸ *Op. Cit.* Puan Khairiah binti Mohamed.

³⁹ Akta Kerajaan Tempatan 1976, Fasai 104.

1.6 Tahap Penguatkuasaan JPI: MPKB-BRI Terhadap Kesalahan Aurat

Analisis penulis mengenai tahap penguatkuasaan undang-undang aurat yang dibentangkan di bawah adalah berdasarkan laporan kompaun tahunan bagi kesalahan aurat sahaja, bermula tahun 2003 hingga 2009 yang dikeluarkan oleh JPI. Analisis penguatkuasaan adalah seperti berikut:

Rajah 1: Data Keseluruhan Kompaun Kesalahan Aurat Wanita Islam Tahun 2003 – 2009 JPI.

Tahun / Bulan	2009	2008	2007	2006	2005	2004	2003	Jumlah
Januari	2	13	5	4	2	9	5	40
Februari	3	9	3	8	5	0	10	38
Mac	2	12	8	32	2	0	1	57
April	4	38	5	28	2	0	12	89
Mei	2	20	19	8	2	3	5	59
Jun	6	17	0	4	7	0	6	40
Julai	14	7	7	12	0	2	5	47
Ogos	4	7	4	17	10	0	0	42
September	0	11	17	3	1	2	5	39
Oktober	1	12	20	7	2	0	0	42
November	3	32	11	16	5	0	0	67
Disember	14	7	6	8	6	0	59	100
Jumlah	55	185	105	147	44	16	108	660
Peratus	8.3%	28%	15.9%	22.3%	6.7%	2.4%	16.4%	100%

Semenjak undang-undang aurat dikuatkuasakan bermula awal Januari 2003 hingga 31hb. Disember 2009 merekodkan jumlah kompaun yang dikeluarkan oleh JPI ialah sebanyak 660 kompaun. Dalam tempoh tujuh tahun penguatkuasaan undang-undang aurat ini, jumlah tersebut mencatatkan purata kes sebanyak 94 kes setahun.

Jumlah kes yang tertinggi direkodkan pada tahun 2008 sebanyak 185 kes (28 %), diikuti tahun 2006 sebanyak 147 kes (22.3%), kemudian tahun 2003 sebanyak 108 kes (16.4%) dan tahun 2007 sebanyak 105 kes (15.9%). Manakala rekod terendah dicatatkan pada tahun 2004 sebanyak 16 kes sahaja (2.4%) disusuli tahun 2005 sebanyak 44 kes (6.7%) dan tahun 2009 sebanyak 55 kes (8.3%).

Sementara bulan tertinggi kompaun dikeluarkan ialah bulan Disember sebanyak 100 kompaun, diikuti bulan April sebanyak 89 kompaun dan bulan November sebanyak 67 kompaun. Tetapi untuk cacatan terendah memperlihatkan jumlah yang hampir sama iaitu bulan Februari 38 kompaun, bulan September 39 kompaun dan bulan Januari serta Jun sebanyak 40 kompaun.

Pada tahun pertama undang-undang aurat dikuatkuasakan mencatatkan jumlah 108 (16.4%) kompaun dikeluarkan. Namun pada dua tahun berikutnya iaitu tahun 2004 dan tahun 2005 menyaksikan penurunan kes secara mendadak kepada 16 kompaun untuk tahun 2004 (2.4%) dan naik hanya sebanyak 44 kompaun untuk tahun 2005 (6.4%). Terdapat tiga faktor yang boleh dianggap berkait rapat dengan pengurangan kesalahan aurat pada dua tahun tersebut. Faktor pertama ialah implikasi kejayaan penguatkuasaan ketat, tegas dan agak menyeluruh undang-undang aurat pada tahun pertama ia dikuatkuasakan sebagai undang-undang kecil. Jumlah 108 kompaun itu menggambarkan sikap serius dan tidak bertolak ansur MPKB-BRI terhadap pelanggaran mendedahkan aurat sehingga menyebabkan para peniaga menutup aurat. Situasi ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang yang tegas dapat membendung penularan pelanggaran undang-undang.⁴¹

Faktor kedua ialah kesan pendidikan undang-undang aurat ini menampakkan kesan begitu ketara dan mendalam kepada peniaga-peniaga setelah peraturan aurat dikuatkuasakan secara beransur-ansur atau berperingkat melalui syarat pelesenan selama 11 tahun (1992 – 2003) yang diperkuuhkan dengan pendekataan dakwah dan tarbiah.⁴² Pendekatan ini berjaya membuktikan bahawa tindakan siasah syar'iyyah yang bijaksana akan memenuhi al-maqasid al-syar'iyyah.

Manakala faktor ketiga yang tidak boleh diabaikan adalah tentang kekurangan kes kesalahan aurat ini pada tahun 2004 dan 2005 adalah kerana berkait rapat dengan

⁴¹ *Op. Cit.*, Ustaz Ropein Hassan dan Ustaz Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustafa, Timbalan Pengarah JPI, 29 Julai 2009.

⁴² *Ibid.*

situasi cemas politik Kelantan waktu itu.⁴³ Faktor politik ini diperkuuhkan lagi dengan catatan jumlah kompaun pada tahun 2004 adalah yang terendah dalam sejarah penguatkuasaan undang-undang aurat. Pada bulan Januari 2004 hanya 4 bulan sahaja kompaun dikeluarkan⁴⁴ sedangkan 8 bulan lagi tiada catatkan kes langsung. Petunjuk ini menggambarkan bahawa suasana politik mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap tahap penguatkuasaan kesalahan aurat. Keadaan ini juga mengisyaratkan isu aurat masih lagi sensitif di kalangan masyarakat Kelantan. Maka pendekatan hikmah dan dakwah dilihat suatu metode pentadbiran yang paling sesuai.

Namun senario penguatkuasaan undang-undang aurat itu mula berubah dengan peningkatan secara agak konsisten kepada 44 kompaun bagi 2005 dan terus meningkat selama 3 tahun iaitu 145 kompaun pada 2006, kemudian turun sedikit pada tahun 2007 sebanyak 105 kompaun dan naik semula kepada 185 kompaun pada tahun 2008. Tetapi jatuh secara mendadak pada tahun 2009 sebanyak 25.7% berbanding tahun sebelumnya.

Antara faktor utama selain faktor pilihara umum ke-12⁴⁵ ialah dasar perbelanjaan berhemat MPKB-BRI pada tahun 2009 telah menghadkan tugas-tugas overtime. Dasar ini memberi implikasi besar kepada tahap penguatkuasaan pelanggaran undang-undang kecil MPKB-BRI. Secara lazimnya kebanyakan kesalahan aurat disabitkan melalui Operasi Aurat yang tertumpu di pasar-pasar tumpuan ramai seperti pasar malam Wakai atau Yeh, Kota Bharu. Operasi Aurat ini melibatkan sekurang-kurangnya 20 kaki tanjung JPI.⁴⁶ Oporesai ini dilihat amat penting terhadap kawalan

⁴³ Pada tahun 2004 dan 2005 dianggap antara tahun-tahun cemas pemerintahan PAS di Kelantan. Ini disebabkan pada pilihan raya peringkat DUN Kelantan yang diadakan pada 24hb. Mac 2004 PAS menang pada mulanya 24 kerusi dan UMNO 21 kerusi. Namun pilihan raya kecil DUN Pengkalan Pasir terpaksa diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkenaan dari PAS, Wan Abdul Aziz Wan Jaafar akibat kanser hati pada 31 Oktober 2005. Pilihan raya diadakan pada 6hb. Disember 2005 dan dimenangi oleh Hanafi Mamat daripada UMNO. Situasi pentadbiran PAS kelantan agak cemas kerana PAS memimpin kerajaan Kelantan dengan kelebihan 1 kerusi sahaja. Tidak dapat dinafikan kedudukan ini memberikan impak besar kepada tindak tanduk dan pendekatan pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan. Justeru itu, penguatkuasaan undang-undang aurat ini sedikit sebanyak mengambil kira sensitiviti masyarakat agar menebat matlamat perbandaran Islam. http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=PR11&pg=kedudukan_kerusi.htm

⁴⁴ Iaitu Januari 9 kompaun, Mei 3 kompaun, Julai 2 kompaun dan September 2 kompaun.

⁴⁵ Pilihara umum ke-12 yang dilangsungkan pada 8hb. Mac 2008, daripada 45 kerusi DUN yang dipertandingkan PAS menang 38 kerusi, Keadilan 1, UMNO 6 kerusi. <http://semak.spr.gov.my/spr/>

⁴⁶ Op. Cit., Ustaz Wan Mohd Sharafi bin Wan Mustaffa.

aurat kerana jumlah pengawai penguatkuasaan MPKM-BRI terlalu sedikit⁴⁷ berbanding jumlah 10,000 (sepuluh ribu) premis perniagaan berlesen di sekitar Kota Bharu.⁴⁸

1.7 Senario Kesalahan Aurat

Untuk meninjau sejauh mana senario atau perihal kesalahan aurat ini, penulis mengambil secara rawak 15 kompaun yang dikeluarkan oleh JPI bermula tahun 2006, 2007 dan 2008. Analisis di bawah tidak menggambarkan keseluruhan sikap pekerja wanita premis perniagaan di Kelantan. Dengan maksud yang lain, analisis penulis terbatas kepada 15 notis kompaun yang mewakili 15 sikap pesalah aurat. Berikut adalah jadual:

Jadual 2: Maklumat Notis Kompaun Kesalahan Aurat Wanita 2006 Hingga 2008

Tahun	Kompaun	Peratus
2006	5	33.3%
2007	5	33.3%
2008	5	33.3%
Jumlah	15	99.9%

Oleh kerana jumlah keseluruhan 15 kompaun di atas bersamaan dengan 99.9 %, maka penulis memilih untuk mengekalkan jumlah 99.9% peratus yang juga menepati jumlah keseluruhan 100%. Maka keseluruhan item-item pengiraan di bawah akan menepati jumlah peratus keseluruhan 99.9%. Dengan maksud yang lain, 99.9% akan dijadikan landasan peratusan keseluruhan bagi setiap item dalam isu kajian kesalahan aurat di bawah.

Dengan samping itu, untuk memudahkan penilaian kasar penulis dalam sesuatu isu, penulis akan menggunakan skema aras tertentu iaitu 85% - 99.9 % merupakan aras

⁴⁷ Contohnya, Jabatan Pembangunan Islam hanya mempunyai 4 orang sahaja penolong pegawai yang ditugaskan secara langsung di bahagian kawalan luar. Ibid.

⁴⁸ *Op. Cit.*, Ustaz Haji Azhar Abdul Sattar.

sangat tinggi, 75% - 84% adalah aras tinggi, 65% - 73% adalah aras sederhana, 40% - 64 aras lemah dan 0.0% - 39% adalah aras gagal.⁴⁹

1.7.1 Umur Pesalah

Kajian juga turut meninjau kecenderungan umur pesalah aurat untuk mendekati hubungan umur dengan kesalahan aurat. Analisa daripada keseluruhan 15 notis kompaun itu umur pesalah boleh dipecahkan kepada dua peringkat umur iaitu pertama gologan beliawinis (18 tahun – 45 tahun) dan kedua golongan dewasa (46 tahun – 63 tahun). Kajian menunjukkan bahawa 86.6% atau 13 kompaun adalah melibatkan golongan beliawinis manakala 13.3% atau 2 kompaun melibatkan wanita dewasa.

Catatan ini memberikan gambaran bahawa tahap kecenderungan melanggar undang-undang aurat di kalangan beliawinis amat tinggi dan berkait rapat dengan tahap kesedaran agama yang rendah. Berbeza dengan penghayatan agama dan undang-undang golongan wanita dewasa yang tinggi. Kajian ini membuktikan bahawa tahap umur mempunyai pengaruh yang besar terhadap tahap penghayatan undang-undang.

1.7.2 Waktu Kesalahan Aurat

Berdasarkan maklumat-maklumat 15 notis kompaun 2006 hingga 2008 menunjukkan bahawa kesalahan aurat tertumpu pada waktu pejabat iaitu 8.00 pagi hingga 4.30 petang. Analisa keseluruhan daripada 15 kompaun tersebut menunjukkan 11 kes (73.3%) kesalahan dilakukan pada waktu pejabat manakala 4 kes (26.6%) dicatatkan pada waktu malam iaitu antara jam 4.31 petang – 11.00 malam.

Catatan ini menunjukkan penguatkuasaan yang seimbang antara waktu pejabat dan malam. Ini kerana nisbah premis-premis yang beroperasi pada waktu malam adalah sedikit berbanding dengan operasi perniagaan pada waktu siang. Di samping itu, menunjukkan penguatkuasaan MPKB-BRI yang konsisten di mana kompaun aurat tidak tertumpu pada waktu-waktu pejabat sahaja, malah penguatkuasan tetap

⁴⁹ Nilai aras ini berdasarkan daripada aras penilaian peperiksaan di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

dijalankan pada waktu luar pejabat. Kemungkinan juga kes-kes pada waktu malam diperolehi daripada operasi-operasi aurat yang sentiasa dijalankan oleh pihak MPKB, khususnya JPI dari masa ke semasa.

1.7.3 Lokasi Kesalahan

Penulis juga menganalisis lokasi-lokasi yang kerap berlaku kesalahan aurat untuk meninjau sejauh mana persekitaran mempengaruhi sikap seseorang pesalah aurat. Analisa tersebut seperti yang ditunjukkan oleh jadual di bawah:

Jadual 3: Lokasi Kesalahan Aurat Wanita 2006 hingga 2008.

Tahun / Lokasi	2008	2007	2006	Jumlah	Peratus
KB Mall	5	2	1	8	53.3%
Kedai Telefon	0	0	2	2	13.3%
Restoran	0	1	1	2	13.3%
Bazar Buluh Kubu	0	1	0	1	6.6%
Internet Cafe	0	1	0	1	6.6%
Billion Supermarket	0	0	1	1	6.6%
Jumlah				15	99.9%

Daripada 15 kompaun di atas menunjukkan 53.3% dicatatkan di KB Mall supermarket dan 6.6% di Billion supermarket menjadikan jumlah 59.9% daripada keseluruhan tempat kesalahan aurat banyak berlaku di supermarket-supermarket. Kemudian diikuti kedai-kedai telefon sebanyak 13.3% dan restoran-restoran atau kedai-kedai makan dengan peratusan yang sama. Ini kerana premis-premis tersebut banyak melibatkan pekerja-pekerja wanita di peringkat belia. Kenyataan ini selari dengan kecenderungan atau minat golongan kebanyakan wanita belia berkerja di tempat-tempat tersebut. Tempat-tempat ini bukan sahaja menjadi tumpuan orang ramai tetapi juga sebagai tempat yang digemari oleh golongan muda-mudi. Selain itu kedai-kedai telefon boleh dikatakan semuanya dimonopoli oleh golongan pemuda-pemudi kerana relevansi kemahiran peniagaan telefon dengan penguasaan ilmu teknologi moden

yang dikuasai oleh golongan remaja dan belia. Manakala di lain-lain tempat selain supermarket, restoran dan kedai telefon menyaksikan jumlah kesalahan yang amat sedikit iaitu hanya 1 kes selama tiga tahun.

1.7.4 Kesalahan Bahagian Tubuh Aurat

Penulis juga meninjau kecenderungan kesalahan aurat dari sudut bahagian tubuh badan aurat manusia itu sendiri untuk memahami perspektif aurat di kalangan masyarakat, khususnya di sisi penguatkuasa JPI. Daripada kajian ke atas 15 notis kompaun yang dikeluarkan JPI selama 3 tahun tersebut mendapati kesemua kompaun aurat (99.9%) adalah berkaitan dengan mendedahkan rambut atau tidak memakai tudung. Catatan ini membuktikan kesalahan tidak bertudung amat tinggi sekali. Maka tidak hairanlah bahawa aurat sering kali dikaitkan dengan tudung.

Isu tudung atau aurat rambut lebih menonjol dan sensitif berbanding dengan bahagian-bahagian aurat yang lain sama ada lengan, pakaian ketat dan nipis. Kefahaman ini memiliki signifikan yang munasabah kerana seseorang wanita yang tidak bertudung bukan sahaja mendedahkan rambut tetapi turut mendedahkan kepala, leher dan bahagian atas dada yang menjadi tarikan pertama mata pemandang. Tudung juga sering kali dikaitkan dengan syiar yang memaparkan keagamaan seseorang muslimah secara zahir.

Perspektif ini turut mempengaruhi pendekatan kakitangan penguatkuasaan JPI di mana tumpuan penguatkuasaan aurat diberikan kepada pekerja wanita Islam yang tidak bertudung kerana kesalahan ini dianggap syiar utama kepada keislaman seseorang dan terbuka kepada penglihatan khayalak. Malah, keingkaran nasihat atau amaran pihak penguatkuasa kebanyakannya melibatkan tudung. Manakala pakaian yang ketat dan menjolok mata biasanya memadai dengan amaran lisan daripada pihak penguatkuasa.⁵⁰

⁵⁰ Temuramah, Wan Mohd Shafii bin Wan Yusoff, Pembantu Tadbir JPI dan Mat Zin bin Deraman, Pembantu Tadbir JPI, 2 hb. Januari 2009.

1.8 Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa pekerja wanita Islam menutup aurat dan wanita bukan Islam berpakaian sopan di premis perniagaan berlesen di bawah MPKB-BRI sangat tinggi dan membanggakan. Kesimpulan ini berasaskan perbandingan jumlah premis perniagaan berlesen MPKB-BRI lebih kurang 10,000 manakala jumlah purata keseluruhan kompaun hanya 96 kes setahun. Purata 96 kes setahun ini menepati 13.3% keseluruhan kesalahan aurat yang dianggap sebagai amat rendah. Rumusan ini diperkuatkan lagi dengan sifar atau 0.0% bagi kesalahan berpakaian kurang sopan di kalangan wanita bukan Islam.

MPKB-BRI berjaya merintis cabaran menguatkuasakan undang-undang aurat dan berpakaian sopan di negeri Kelantan khasnya dan Malaysia amnya. Penubuhan JPI pada tahun 1993 yang dijadikan saluran utama dakwah dilihat menyumbang impak besar kepada kawalan moral. Kerana itu undang-undang aurat ini memberikan imej yang baik perbandaran Islam dan slogan Membangun Bersama Islam sekaligus memelihara jolokan Serambi Mekah.

Namun penguatkuasaan secara menyeluruh didapati masih sukar disebabkan faktor tertentu seperti kekurangan kakitangan penguatkuasaan berbanding kawasan MPKB-BRI yang luas serta 10,000 premis perniagaan. Kerana itu, pihak penguatkuasaan banyak ditumpukan terhadap perkerja wanita yang mendedahkan aurat secara melampau seperti tidak bertudung dan berpakaian menjolok mata. Di samping itu terdapat sikap pekerja wanita Islam sendiri yang menutup aurat kerana gerun kepada tindakan undang-undang aurat bukan berdasarkan penghayatan agama.

Begitu juga garis panduan yang jelas perlu dikeluarkan, terutama tafsiran pakaian sopan bukan Islam demi mengelak pertikaian sekaligus melancarkan penguatkuasaan. Undang-undang menutup aurat dan berpakaian sopan amat perlu diperaktikkan dan diperluaskan mencakupi kawasan-kawasan awam memandangkan fenomena pendedahan aurat yang kian menular yang mengancam kestabilan sosial. Langkah perundangan ini sebagai langkah terakhir dan penting setelah dilaksanakan langkah-langkah pendedahan kesedaran yang menyeluruh berhubung kepentingan menutup aurat dan berpakaian sopan sebagai tanggungjawab bersama.